

23 NOV 1998

MAHATHIR: MAHU RAKYAT SABAH KEKALKAN PEMERINTAHAN BN

KOTA KINABALU, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Sabah memastikan kesinambungan pemerintahan Barisan Nasional (BN) bagi membolehkan negeri itu terus maju.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, untuk mencapai tujuan itu, semua pihak perlu memainkan peranan bagi mengekalkan perpaduan rakyat.

"Ini bagi menentukan seluruh masyarakat Sabah dapat terus mencapai kejayaan dan kemajuan, dalam segala aspek pembangunan, selaras dengan pembangunan di negeri-negeri lain," katanya dalam perutusan beliau sempena Kongres Ke-4 Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

Beliau dijangka merasmikan kongres berkenaan di Dewan Masyarakat Keningau, kira-kira 150km dari sini, Sabtu ini.

Beliau juga berkata kejayaan boleh dicapai dengan mudah jika semua pihak sentiasa berkerjasama dan mengenyepikan kepentingan peribadi, dan beliau yakin PBRs, satu daripada parti komponen BN negeri, dapat membantu kerajaan menjelaskan kepada rakyat mengenai pelbagai isu, termasuk kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

NT RI